

05 NOV 2003

ABDULLAH-FELDA

KEPENTINGAN PENEROKA DIAMBIL KIRA SEBELUM FELDA KE BSKL

PUTRAJAYA, 5 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata kerajaan akan mengambil kira kepentingan dan kebajikan peneroka sebelum bertindak untuk menyenaraikan Felda di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Apa juga langkah yang akan kita ambil mesti mengambil kira kepentingan dan kebajikan peneroka," katanya pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet yang pertama sejak beliau menjadi perdana menteri, Jumaat lepas.

Ketika ditanya mengenai pandangannya berhubung cadangan penyenaian Felda di BSKL, Abdullah yang juga menteri kewangan berkata: "Kabinet sudah membuat keputusan (mengenai perkara itu)."

"(Bagaimanapun) kita kena tunggu dulu kerana kita perlu kaji lebih mendalam lagi," katanya selepas mesyuarat Kabinet yang berlangsung selama kira-kira empat jam.

Abdullah berkata apa yang penting dalam hal berkenaan adalah kerajaan perlu mengambil kira kepentingan peneroka kerana tidak mahu peneroka membuat andaian negatif.

"Kita tidak mahu nanti peneroka membuat andaian bahawa dalam langkah yang kita akan ambil ini (penyenaian Felda) kepentingan serta kebajikan mereka tidak diambil kira langsung."

Perdana Menteri berkata jika kepentingan dan kebajikan peneroka diabaikan ia dikhuatiri akan mengecewakan para peneroka.

"Dengan itu, tentulah nanti mereka kecewa dan kekecewaan mereka ini pun kalau tidak dibendung, mungkin dieksploitasi oleh golongan yang hanya hendak cari pasal," kata Abdullah.

Oleh itu, yang pentingnya ialah apa jua langkah yang akan dilaksanakan oleh kerajaan akan mengambil kira kepentingan, kedudukan dan kebajikan peneroka, tegas beliau.

Cadangan penyenaian Felda di BSKL diumumkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad, yang pada masa itu menjadi perdana menteri dan menteri kewangan, ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat pada September lepas. Dr Mahathir bersara Jumaat lepas selepas memimpin negara selama 22 tahun.

Penyenaian akan membolehkan Felda mendapatkan dana daripada pasaran modal dan ia tidak perlu lagi bergantung kepada kerajaan untuk keperluan kewangannya.

Syarikat Felda yang akan disenaraikan, iaitu Felda Holdings, memiliki 354,554 hektar ladang dan kilang. Ia turut membeli hasil pengeluaran ladang milik peneroka yang mempunyai keluasan ladang 447,246 hektar.

Kini, peneroka dan pekerja Felda memiliki 51 peratus ekuiti dalam syarikat yang hendak disenaraikan itu menerusi Koperasi Permodalan Felda.

-- BERNAMA

MKO AZZ MAM JR